

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2016 [ SELASA ]**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan mengapakah hanya segelintir bukan Bumiputera dianugerahkan skim subsidi kelapa sawit. Apakah kriterianya untuk mendapat skim subsidi tersebut.**

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim-skim bantuan Kerajaan dalam pembangunan industri sawit, terutamanya kepada para pekebun kecil adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang layak.

Pada masa ini, Kementerian menyediakan bantuan-bantuan khusus kepada para pekebun kecil seperti Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK), Skim Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil (TBSPK), Skim Integrasi Tanaman Dengan Sawit dan Skim Integrasi Ternakan Dengan Sawit. Walau bagaimanapun, Skim Insentif Mekanisasi Industri Sawit (OPIMIS) adalah terbuka kepada para pekebun kecil dan estet.

Syarat-syarat kelayakan permohonan bagi setiap skim bantuan adalah seperti berikut:

(i) **Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK)**

- (a) warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh permohonan;
- (b) pekebun kecil persendirian dengan jumlah pemilikan tanah tidak melebihi 40.46 hektar. Had maksimum bantuan adalah untuk 5 hektar sahaja;
- (c) menunjukkan bukti pemilikan atau penguasaan tanah yang sah mengikut undang-undang dan peraturan pihak berkuasa tanah negeri masing-masing;

- (d) syarat tanah adalah untuk tanaman sawit atau pertanian atau tiada sekatan untuk tanaman sawit;
- (e) kawasan tanaman adalah sesuai seperti kecerunan kurang daripada 25 darjah, bukan kawasan air bertakung dan mempunyai akses untuk pengeluaran dan jualan hasil sawit;
- (f) tanaman sawit berumur melebihi 25 tahun atau sudah tidak lagi produktif;
- (g) mempunyai lesen MPOB bagi aktiviti menjual dan mengalih BTS; dan
- (h) bukan peserta lain-lain agensi pembangunan tanah negeri atau persekutuan.

(ii) Skim Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil (TBSPK)

- (a) warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh permohonan;
- (b) pekebun kecil persendirian dengan jumlah pemilikan tanah tidak melebihi 40.46 hektar. Had maksimum bantuan adalah untuk 5 hektar sahaja;
- (c) menunjukkan bukti pemilikan atau penguasaan tanah yang sah mengikut undang-undang dan peraturan pihak berkuasa tanah negeri masing-masing;
- (d) syarat tanah adalah untuk tanaman sawit atau pertanian atau tiada sekatan untuk tanaman sawit;
- (e) kawasan tanaman adalah sesuai seperti kecerunan kurang daripada 25 darjah, bukan kawasan air bertakung dan mempunyai akses untuk pengeluaran dan jualan hasil sawit; dan

- (f) mendapat sokongan Ahli Parlimen/ADUN (daripada kawasan tanah yang akan dimajukan).

(iii) Skim Integrasi Tanaman Dengan Sawit

- (a) warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh permohonan;
- (b) pekebun kecil sawit persendirian sahaja dengan hak pemilikan tanah tidak melebihi 40.46 hektar dan bukan peserta dari lain-lain agensi persekutuan atau negeri;
- (c) menunjukkan bukti pemilikan atau penguasaan tanah yang sah mengikut undang-undang dan peraturan pihak berkuasa tanah negeri masing-masing;
- (d) had minimum keluasan kebun sawit yang layak memohon adalah 0.40 hektar; dan
- (e) syarat khusus untuk integrasi lada hitam adalah menanam sawit mengikut sistem tanaman sawit dua baris berkembar.

(iv) Skim Integrasi Ternakan Dengan Sawit

- (a) warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh permohonan;
- (b) pemohon adalah pekebun kecil sawit persendirian;
- (c) pemohon mestilah bekerja sepenuh masa di kebun sawit masing-masing;
- (d) jumlah pemilikan tanah pemohon secara agregat tidak melebihi 7 hektar;
- (e) luas minimum kawasan adalah 1 hektar untuk bantuan kambing dan 2 hektar bagi bantuan lembu;

- (f) komited untuk melaksanakan projek dengan bersungguh-sungguh hingga berjaya;
  - (g) punca pendapatan utama adalah daripada kebun sawit;
  - (h) menunjukkan bukti pemilikan atau penguasaan tanah yang sah mengikut undang-undang dan peraturan pihak berkuasa tanah negeri masing-masing; dan
  - (i) mempunyai kebun sawit yang sesuai dan selamat untuk menjalankan integrasi ternakan.
- (v) Skim Insentif Mekanisasi Industri Sawit (OPIMIS)

Skim OPIMIS terbuka kepada pekebun kecil, estet, kontraktor ladang dan mereka yang terlibat dalam sektor perladangan sawit. Insentif kepada pekebun kecil bagi pembelian jentera dan peralatan ladang yang baru sehingga 20% daripada harga pasaran.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian akan terus melaksanakan program-program bagi meningkatkan produktiviti industri sawit termasuk sektor pekebun kecil. Langkah ini akan memastikan para pekebun kecil dapat menikmati kemudahan Kerajaan ke arah meningkatkan pendapatan.

Sekian, terima kasih.